

5 FEB 1996

Annuar-Semangat 46

PAS TIDAK TUNAI JANJI KEPADA RAKYAT, KATA ANNUAR

KOTA BAHARU, 5 Feb (Bernama) -- Pemerintahan kerajaan negeri Kelantan di bawah pimpinan PAS menimbulkan rasa tidak senang di kalangan rakyat apabila parti itu gagal menunaikan janjinya membangunkan negeri ini sebaliknya mengamalkan pembaziran.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata ini dapat dilihat apabila PAS lebih mengutamakan kepentingan pemimpinnya seperti menaikkan gaji dan membeli kenderaan baru bagi ahli Exco Kelantan.

Rasa tidak senang itu juga diluahkan oleh pemimpin-pemimpin muda Parti Melayu Semangat 46 (Semangat 46) yang kecewa dengan dengan sikap pemimpin PAS yang didakwa gagal menubuhkan kerajaan negeri yang berkesan.

Pergolakan antara dua parti gabungan Angkatan Perpaduan Ummah itu semakin ketara dan menurut Annuar keretakan itu kini pada tahap sukar diperbaiki bukan sahaja membabitkan hubungan antara pemimpin kedua-dua tetapi juga pada peringkat akar umbi.

"Terdapat beberapa pemimpin muda Semangat 46 menghubungi saya dan dalam perbualan itu mereka mengemukakan pendapat bagaimana parti itu boleh bekerjasama dengan Umno," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa dengan ketua-ketua jabatan, agensi kerajaan dan wakil media massa di sini.

Angkatan Perpaduan Ummah yang ditubuhkan pada 1990 bagi menghadapi pilihan raya umum pada tahun itu dianggotai oleh Pas, Semangat 46, Berjasa dan Hamim.

Annuar, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata pemimpin Semangat 46 kini mula "mencari formula baru" termasuk idea bergabung dengan Barisan Nasional (BN) bagi membawa suasana baru kepada politik Kelantan apabila menyedari perjuangan mereka selama ini tidak dihargai PAS.

"Pada masa ini Semangat 46 tidak mempunyai pilihan lain dan mereka sering terpaksa mengalah (dengan setiap keputusan PAS). Keadaan ini dijangka berterusan termasuk usaha (PAS) meminggirkan Semangat 46 dari pemerintahan kerajaan negeri," katanya.

Ketika ditanya sama ada terdapat kemungkinan pemimpin Semangat 46 akan menyertai Umno berikutan perkembangan itu, Annuar berkata ia boleh berlaku kerana terdapat kalangan pemimpin muda parti itu mempunyai pandangan jauh dan ingin melakukan apa yang sedang Umno lakukan.

Beliau berkata Umno kini bersikap terbuka untuk menerima mana-mana pihak yang mempunyai asas perjuangan yang sama iaitu untuk membangunkan negara khususnya Kelantan yang kini masih tahap ketinggalan dalam arus pembangunan.

Bagaimanapun, beliau berkata Umno tidak mahu dikatakan mengambil kesempatan dengan mencampuri masalah dalaman parti itu tetapi bimbang kerajaan Kelantan negeri yang terumbang ambing itu akan menjejaskan kepentingan rakyat negeri ini keseluruhannya.

Katanya Mesyuarat Perhubungan Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini turut memutuskan bahawa rakyat Kelantan berhak menikmati pembangunan dan krisis hubungan dalam pentadbiran negeri itu perlu dihentikan kerana boleh membantutkan usaha pembangunan di negeri ini.

Annuar berkata pada mesyuarat itu, Umno memutuskan bahawa pada pilihan raya akan datang, BN bertekad untuk berkuasa semula di Kelantan bagi membentuk kerajaan .

Menurutnya semua garis panduan dan strategi seperti menentukan kawasan tumpuan termasuk kaedah serta pendekatan, memperkukuhkan struktur kepimpinan pada peringkat negeri akan disiapkan pada bulan depan supaya dapat dimulakan secepat mungkin.

Sementara itu, beberapa wakil dari Majlis Tertinggi Semangat 46 akan mengadakan perjumpaan khas dengan Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat di pejabatnya, pagi ini.

Rombongan itu yang diketuai oleh Naib Presiden parti Semangat 46 Ibrahim Azmi Hassan dijangka membincangkan soal masa depan kerjasama dan isu keretakan hubungan kedua-dua parti itu. -- BERNAMA

RAR NAK